



**YAYASAN NEGERI SEMBILAN**

Tingkat 11, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan  
Jalan Yam Tuan  
70000 SEREMBAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel: 06-762 8046 / 762 8048  
Faks: 06-763 1420  
Laman Web: [www.yns.gov.my](http://www.yns.gov.my)

Rujukan kami : YNS 200/003 Pt. 2 (36)  
Tarikh : 30 Nov. 2015

**SESIAPA YANG BERKENAAN**

YB Dato' / Y. Bhg. Dato' / Tuan / Puan,

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN DI PENTADBIRAN YAYASAN NEGERI SEMBILAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk pada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, terdapat satu (1) kekosongan jawatan Penjaga Jentera Elektrik Gred J17 di pentadbiran Yayasan Negeri Sembilan.

3. Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat Negeri Sembilan) bagi memenuhi jawatan tersebut. Bersama-sama ini dilampirkan iklan jawatan untuk rujukan YB Dato' / Y. Bhg. Dato' / Tuan / Puan. Pengurusan Yayasan Negeri Sembilan memohon kerjasama YB Dato' / Y. Bhg. Dato' / Tuan / Puan untuk membuat hebahan berkenaan perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**JAMALUDIN BIN ABU BAKAR**  
Pengarah

AM/Perkhid. Yamn- YNS200/003 PT.2(36)/2015/D



## IKLAN JAWATAN

Rujukan Fail : YNS 200/003 Pt. 2 (36)

- (1) (a) Jawatan : PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J17  
(b) Badan Berkanun : YAYASAN NEGERI SEMBILAN  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : KUMPULAN PELAKSANA  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN

- (2) Jadual Gaji : Jadual Gaji Minimum – Maksimum  
RM953.00 – RM3,490.00

- (3) Syarat Lantikan :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;  
(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
(c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan di Gred J17 ditetapkan mengikut Kategori Sijil Kekompetenan :

- A0/A1 : RM1,318.42
- A4-2/A4-1/A4 : RM1,374.81
- B0-2/B0-1/B0/B1/B4 : RM1,431.21

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam atau Pemandu / Operator Jentera Pemungkah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penjaga Jentera Elektrik Gred J17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :
  - (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
  - (b) Had umur pelantikan :
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

(4) Taraf Jawatan : *CONTRACT OF SERVICE (COS)*

(5) Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik Gred J17 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

- (6) Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas penyenggaraan dan operasi ke atas sistem pemasangan elektrik dengan memastikan tatacara / prosedur keselamatan adalah sentiasa dipatuhi bagi memenuhi keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.
- (7) Tarikh Tutup Permohonan : (a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang YNS 04/2015** yang boleh didapati di Unit Pentadbiran, Bahagian Khidmat Pengurusan, Yayasan Negeri Sembilan.
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan **salinan dokumen yang diakui sah oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan Dan Profesional** seperti berikut :
- i. Kad Pengenalan.
  - ii. Sijil Kelahiran.
  - iii. Sijil-sijil Peperiksaan Persekolahan / Politeknik.
  - iv. Sijil-sijil dan dokumen lain yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon.
  - v. Sekeping gambar terkini berukuran pasport diletakkan di sudut kanan Borang YNS 04/2015.
  - vi. Bagi calon yang lahir di luar Negeri Sembilan hendaklah mengemukakan salinan Sijil Lahir Ibu/Bapa yang

membuktikan kelahiran di Negeri Sembilan.

(c) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah :

Dihantar dalam sampul surat berukuran 9" x 13".

i. Di penjuru atas sebelah kiri sampul surat berkenaan hendaklah ditulis dengan **HURUF BESAR YANG JELAS NAMA JAWATAN YANG DIPOHON.**

ii. Di penjuru bawah sebelah kiri sampul surat berkenaan hendaklah ditulis **NAMA DAN ALAMAT PENUH PEMOHON.**

(d) Permohonan daripada kakitangan Jabatan - Kerajaan, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing.

(e) Permohonan yang lewat dan tidak mengikut syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

(f) Hanya calon-calon yang akan disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.

(g) Permohonan yang lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada :

**Pengarah  
Yayasan Negeri Sembilan  
Tingkat 11, Bangunan Yayasan Negeri  
Sembilan  
Jalan Yam Tuan**

**70000 Seremban**  
**(u.p : Bahagian Khidmat Pengurusan)**

- (h) Tarikh tutup permohonan ialah pada **11 Disember 2015**. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.